

Bil. S 23

**PERINTAH KASTAM, 2006  
(S 39/2006)**

**PERINTAH KASTAM (PERJANJIAN PERDAGANGAN BARANG DALAM  
PERJANJIAN RANGKA KERJASAMA EKONOMI KOMPREHENSIF ANTARA  
KERAJAAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA PERSATUAN NEGARA-NEGARA  
ASIA TENGGARA DENGAN REPUBLIK KOREA) (PINDAAN), 2020**

**SUSUNAN PERENGGAN-PERENGGAN**

Perenggan

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
  2. Pindaan perenggan 1 dari S 65/2008
  3. Pemasukan perenggan 1A dan 1B baru
  4. Penggantian perenggan 2
  5. Penggantian perenggan 3
  6. Penggantian Jadual
-

**PERINTAH KASTAM, 2006  
(S 39/2006)**

**PERINTAH KASTAM (PERJANJIAN PERDAGANGAN BARANGAN DALAM  
PERJANJIAN RANGKA KERJASAMA EKONOMI KOMPREHENSIF ANTARA  
KERAJAAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA PERSATUAN NEGARA-NEGARA  
ASIA TENGGARA DENGAN REPUBLIK KOREA) (PINDAAN), 2020**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 9(1) dan (2) dari Perintah Kastam, 2006, maka Menteri Kewangan dan Ekonomi, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**Gelaran dan permulaan kuat kuasa**

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Kastam (Perjanjian Perdagangan Barangan Dalam Perjanjian Rangka Kerjasama Ekonomi Komprehensif Antara Kerajaan Negara-Negara Anggota Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara dengan Republik Korea) (Pindaan), 2020 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb April 2017.

**Pindaan perenggan 1 dari S 65/2008**

2. Perenggan 1 dari Perintah Kastam (Perjanjian Perdagangan Barangan Dalam Perjanjian Rangka Kerjasama Ekonomi Komprehensif Antara Kerajaan Negara-Negara Anggota Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara dengan Republik Korea), 2008, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda dengan memasukkan "(Preferential Tariff)" sejurus sebelum "Order" dalam baris ketiga.

**Pemasukan perenggan 1A dan 1B baru**

3. Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas perenggan 1 dua perenggan baru yang berikut —

**"Tafsiran**

**1A. Dalam Perintah ini —**

"Perjanjian" bermakna Perjanjian Perdagangan Barang Dalam Perjanjian Rangka Kerjasama Ekonomi Komprehensif Antara Kerajaan Negara-Negara Anggota Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara dan Republik Korea pada 24hb Ogos 2006 di Kuala Lumpur, Malaysia;

"negara yang ditetapkan" bermakna negara yang dinyatakan dalam perenggan 1B.

**Negara yang ditetapkan**

1B. Bagi maksud-maksud bab 9(5), negara-negara yang menjadi pihak-pihak dalam Perjanjian itu sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 1 adalah dengan ini dinyatakan sebagai negara yang ditetapkan.”.

**Penggantian perenggan 2**

4. Perenggan 2 dari Perintah utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan perenggan baru yang berikut —

**“Tarif keutamaan**

2. Dengan tidak menghiraukan apa-apa jua yang terkandung dalam Perintah Duti Import Kastam, 2007 (S 45/2007), maka hendaklah dikenakan duti import pada kadar-kadar, dan berkaitan dengan tahun-tahun dan barang-barang, sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 2, yang ditunjukkan sehingga memuaskan hati Pengawal telah dihantar daripada sebuah negara yang ditetapkan, dan sama ada sebagai keluaran sebuah negara yang ditetapkan, atau telah dikilang di sebuah negara yang ditetapkan.”.

**Penggantian perenggan 3**

5. Perenggan 3 dari Perintah utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan perenggan baru yang berikut —

**“Anggapan negara konsainan**

3. Bagi maksud-maksud perenggan 2, barang-barang hendaklah dianggap telah dihantar daripada negara yang ditetapkan jika barang-barang itu menepati Aturan-Aturan Negara Asal yang dinyatakan dalam Perkara 5, dan dilampirkan kepada, Perjanjian itu.”.

**Penggantian Jadual**

6. Jadual kepada Perintah utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan dua Jadual baru yang berikut —

**“JADUAL 1  
(perenggan 1B)**

**NEGARA YANG DITETAPKAN**

1. Kerajaan Kemboja
  2. Republik Indonesia
  3. Republik Demokratik Rakyat Laos
  4. Malaysia
  5. Kesatuan Myanmar
  6. Republik Filipina
  7. Republik Singapura
  8. Kerajaan Thailand
  9. Republik Sosialis Viet Nam
  10. Republik Korea
-